



24 MAR, 2023

## KDN terbabit dalam kajian undang-undang judi

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



# KDN terbabit dalam kajian undang-undang judi



Saifuddin ketika sesi soal jawab pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengesahkan pihaknya turut terbabit dalam kajian undang-undang berkaitan judi yang kini dijalankan Kementerian Kewangan (MOF) bagi tujuan penambahbaikan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pendekatan itu untuk memastikan supaya undang-undang berkaitan perjudian yang digubal atau ditambah baik, sentiasa berada selaras dengan perkembangan semasa.

"Meneliti undang-undang berkaitan judi ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudangan ini, terutama perjudian dalam talian," katanya menerusi jawapan lisan dipaparkan di laman web Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Mohamad Shafizan Kepli (GPS-Batang Lupar) berhubung jumlah tangkapan dan langkah diambil Polis Diraja

Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membanteras kegiatan judi dalam talian serta tindakan menangani itu itu.

Saifuddin berkata, PDRM me-nahan 11,460 individu yang terbabit judi dalam talian menerusi 8,154 serbuan dijalankan tahun lalu hasil kerjasama SKMM.

Antara langkah diambil dan dirancang PDRM untuk membanteras judi dalam talian termasuk mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui 'Ops Dadu' dan kerjasama bersepurad dengan agensi serta berpakaian dengan agensi serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

### Sekat laman web perjudian

"Bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Ogos 2022 sebanyak 39 permohonan pembatalan lesen perniagaan dibuat dan daripada jumlah itu, sebanyak 22 premis perniagaan dibatalkan lesen perniagaan," katanya.

Menerusi kerjasama dengan SKMM bagi menyekat laman web

perjudian di bawah Seksyen 263(2) Akta Komunikasi Multimedia, beliau berkata, sebanyak 2,397 permohonan sekatan sepanjang tempoh 1 Januari 2012 hingga awal tahun ini, dihantar kepada suruhanjaya itu.

Selain sekatan, beliau berkata, langkah itu untuk menyekat iklan dan promosi judi dalam talian.

Pada masa sama, beliau berkata, KDN turut bekerjasama dengan syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik serta air.

Tindakan itu tegasnya, diambil terhadap premis yang sering digunakan sindiket perjudian.

"Kita mengambil tindakan ke atas pihak yang terbabit kegiatan ini, termasuklah penjaga premis dan pengatur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953," katanya.